

C 03

RANCANGAN PEMULIHAN KLIEN

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 03/2014	BIL : 1/12
TAJUK: RANCANGAN PEMULIHAN KLIEN	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

1. PENDAHULUAN

1.1 Usaha untuk membantu kepulihan penagih boleh dilakukan dengan cara memberi kesedaran dan komitmen untuk membina dan mempraktikkan kemahiran kepulihan bagi mencapai dan mengekalkan kepulihan sepanjang hayat. Bertepatan dengan ini, satu Rancangan Pemulihan Klien yang komprehensif perlu disediakan untuk membantu penagih dadah dan penyalahguna dadah mengembalikan semula fungsi psikososial yang terjejas akibat penagihan.

2. TUJUAN

2.1 Menerangkan dan menjelaskan kepada Pegawai Agensi mengenai penyediaan Rancangan Pemulihan Klien untuk program rawatan dan pemulihan dalam komuniti.

3. SKOP

3.1 Perintah Tetap ini menerangkan dan menjelaskan penyediaan Rancangan Pemulihan Klien yang komprehensif meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- 3.1.1 Pengumpulan data dan maklumat berkaitan profil klien.
- 3.1.2 Penilaian dan diagnosis.
- 3.1.3 Mengenalpasti psikopatologi dan masalah klien.
- 3.1.4 Penentuan matlamat yang hendak dicapai.

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 03/2014	BIL : 2/12
TAJUK: RANCANGAN PEMULIHAN KLIEN	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

- 3.1.5 Merangka strategi intervensi.
- 3.1.6 Memperkemaskan strategi intervensi.
- 3.1.7 Persetujuan klien berkenaan Rancangan Pemulihan Klien Klien.
- 3.1.8 Pengesahan Ketua Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah.
- 3.1.9 Penilaian Rancangan Pemulihan Klien.
- 3.1.10 Semakan.
- 3.1.11 Laporan.

4. TERMINOLOGI

4.1 Rancangan Pemulihan Klien

- 4.1.1 Rancangan yang disediakan secara berstruktur untuk membantu klien membina kemahiran kepulihan.
- 4.1.2 Mengenalpasti masalah yang menyebabkan fungsi psikososial terjejas akibat penagihan.

4.2 Psikopatologi

- 4.2.1 Pendidikan mengenai psikologi dan kesihatan mental.

5. TUJUAN PENYEDIAAN RANCANGAN PEMULIHAN KLIEN 3/12

- 5.1 Menyediakan strategi intervensi dan terapi yang sesuai dengan masalah dan keperluan klien.

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 03/2014	BIL : 3/12
TAJUK: RANCANGAN PEMULIHAN KLIEN	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

5.2 Membina keyakinan diri klien bagi mengenalpasti kekuatan diri untuk meninggalkan tabiat ketagihan.

5.3 Membina keyakinan dan kemahiran untuk menolak pengaruh negatif secara sihat dan rasional.

5.4 Mengenalpasti masalah sebenar klien.

5.5 Membolehkan klien mengatasi masalah penolakan sosial secara rasional.

5.6 Membuat penilaian dan perkembangan kemajuan klien dalam program pemulihannya.

6. PROSEDUR PELAKSANAAN

Pegawai Agensi bersama klien akan membina Rancangan Pemulihan Klien berdasarkan perbincangan mengikut prosedur berikut:

A. Mengumpul Data dan Maklumat Berkaitan Profil Klien

1. Borang maklumat Latar belakang Peribadi Klien perlu diisi melalui proses temubual, rujukan dan ujian-ujian berkaitan untuk mendapatkan maklumat seperti berikut:

1.1 Latar belakang diri.

1.2 Keluarga.

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 03/2014	BIL : 4/12
TAJUK: RANCANGAN PEMULIHAN KLIEN	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

- 1.3 Tahap pendidikan.
- 1.4 Status kesihatan.
- 1.5 Pekerjaan.
- 1.6 Kegiatan riadah.
- 1.7 Aktiviti sosial.
- 1.8 Sejarah penagihan.
- 1.9 Lain-lain perkara yang berkaitan dengan klien.

B. Membuat Penilaian dan Diagnosis

1. Menganalisis segala maklumat dan data berkenaan penglibatan klien dalam masalah berkaitan penagihan dadah.
2. Membuat penilaian klinikal berasaskan maklumat psikososial klien.
3. Membuat diagnosis tentang masalah personaliti dan psikopatologi yang dialami klien.
4. Memberi penjelasan tentang masalah yang dihadapi oleh klien dan perancangan untuk mengatasinya.
5. Memberi kesedaran kepada klien tentang masalah yang dihadapi dan perancangan mengatasinya.
6. Mendapatkan kepastian dan pengesahan klien berkenaan perkara tersebut.

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 03/2014	BIL : 5/12
TAJUK: RANCANGAN PEMULIHAN KLIEN	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

C. Mengenalpasti Psikopatologi Dan Masalah Dihadapi Klien

1. Mengenalpasti psikopatologi yang mempunyai pengaruh besar terhadap perubahan diri klien yang menjadi punca penagihan.
2. Mengenalpasti alternatif yang boleh dilaksanakan oleh klien yang boleh membawa perubahan.
3. Memastikan alternatif yang dirangka boleh dilaksanakan oleh klien dan tidak berisiko tinggi.

D. Menentukan Matlamat Yang Hendak Dicapai

1. *Bersifat spesifik*

- 1.1 Matlamat yang dirangka mestilah bersifat spesifik dan mempunyai tafsiran yang jelas.
- 1.2 Matlamat yang hendak dicapai tidak bersifat terlalu umum dan mudah difahami.
- 1.3 Perlu ada kaitan di antara matlamat dengan permasalahan yang dihadapi oleh klien.

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 03/2014	BIL : 6/12
TAJUK: RANCANGAN PEMULIHAN KLIEN	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

2. *Boleh dilaksanakan*

- 2.1 Memastikan bahawa perancangan dibuat menjurus kepada penyelesaian masalah yang dihadapi oleh klien.
- 2.2 Perancangan tersebut sesuai dengan tahap keupayaan klien.

3. *Boleh Dicapai*

- 3.1 Matlamat dan intervensi yang dilaksanakan itu boleh difahami oleh klien dan boleh dicapai.
- 3.2 Pencapaian yang dijangkakan harus sesuai dengan tahap kematangan klien dan tidak membebankan.

4. *Bersifat Realistik*

- 4.1 Perancangan perlu bersifat realistik dan tidak sekadar perancangan imaginasi yang bersifat sempurna tanpa memikirkan keupayaan klien.
- 4.2 Perancangan yang dibina perlu dijelaskan dan difahami oleh klien.

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 03/2014	BIL : 7/12
TAJUK: RANCANGAN PEMULIHAN KLIEN	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

5. *Penentuan Jangkamasa Pencapaian*

- 5.1 Menentukan tempoh untuk melaksanakan perancangan.
- 5.2 Perancangan yang akan dilaksanakan dan perubahan yang dijangkakan dalam tempoh yang ditetapkan dapat dinilai pencapaiannya.
- 5.3 Menentukan keupayaan dan halangan klien dalam melaksanakan perancangan.

E. Merangka Strategi Intervensi

1. Memberi penjelasan lanjut tentang masalah yang dialami klien.
2. Membincangkan dan menentukan matlamat yang hendak dicapai secara spesifik.
3. Membincangkan aspek kekuatan dan kelemahan klien untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

F. Memperkemaskan Strategi Intervensi

1. Merumuskan semula masalah dan psikopatologi klien secara objektif.
2. Memastikan matlamat yang ditentukan adalah spesifik, jelas, realistik dan boleh dicapai.

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 03/2014	BIL : 8/12
TAJUK: RANCANGAN PEMULIHAN KLIEN	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

3. Mengkaji semula strategi yang diambil untuk memastikan ianya berkesan.
4. Membincangkan faktor-faktor yang menyokong dan menghalang pencapaian matlamat dalam konteks diri klien.
5. Membincangkan bagaimana potensi klien dapat digunakan untuk membantu dirinya mencapai matlamat yang ditetapkan.

G. Mendapatkan Persetujuan Klien Berkenaan Rancangan Pemulihan Klien.

1. Klien perlu dimaklumkan dan diberi penerangan yang jelas berkenaan dengan Rancangan Pemulihan Klien yang dirangka.
2. Sebarang kemusykilan yang cuba disampaikan oleh klien perlu diberi perhatian oleh Pegawai Agensi.
3. Setelah klien memahami Rancangan Pemulihan Klien, tujuan dan faedah yang diperolehi serta setuju dengan Rancangan Pemulihan Klien yang dibina, klien perlu menurunkan tandatangan sebagai tanda persetujuan untuk memberikan komitmen terhadap Rancangan Pemulihan Klien tersebut.

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 03/2014	BIL : 9/12
TAJUK: RANCANGAN PEMULIHAN KLIEN	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

H. Mendapatkan Pengesahan Ketua Pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah

1. Rancangan Pemulihan Klien yang telah dipersetujui oleh klien hendaklah disemak oleh Ketua Pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah.
2. Ketua Pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah hendaklah menandatangani Rancangan Pemulihan Klien tersebut setelah bersetuju dengan Rancangan Pemulihan Klien.

I. Penilaian Rancangan Pemulihan Klien

1. Penilaian terhadap Rancangan Pemulihan Klien perlu dibuat pada setiap tempoh pencapaian yang ditetapkan.
2. Penganalisan berasaskan rekod pencapaian kes perlu diteliti untuk memastikan kekuatan dan kelemahan dalam pelaksanaan.
3. Membuat penambahbaikan kepada program pemulihan bagi membentuk perancangan yang baru, sekiranya tidak dapat dicapai oleh klien.

J. Penilaian

1. Melaksanakan penilaian terhadap kemajuan kes berdasarkan matlamat yang hendak dicapai dan intervensi yang dilaksanakan.

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 03/2014	BIL : 10/12
TAJUK: RANCANGAN PEMULIHAN KLIEN	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

2. Mengemaskini dan membuat penambahbaikan terhadap Rancangan Pemulihan Klien jika berlaku perubahan dan perkembangan terhadap kepulihan klien.

K. Semakan

1. Rancangan Pemulihan Klien hendaklah dikemaskini oleh Pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah.
2. Penilaian akan dibuat dalam tempoh yang ditetapkan dan dihantar kepada Ketua Pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah untuk semakan.
3. Setelah semakan dibuat, Ketua Pegawai Agensi Antidadah Daerah perlu berbincang dengan Pegawai Agensi untuk tujuan penambahbaikan bagi rancangan pemulihan klien yang gagal dicapai.

L. Laporan

1. Laporan Kemajuan Rancangan Pemulihan Klien hendaklah disediakan setelah tamat tempoh pencapaian yang telah ditetapkan.
2. Laporan tersebut perlu mengandungi perkara-perkara berikut:
 - 2.1 Permasalahan
 - 2.2 Matlamat

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 03/2014	BIL : 11/12
TAJUK: RANCANGAN PEMULIHAN KLIEN	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

- 2.3 Terapi/ Strategi
- 2.4 Tempoh
- 2.5 Pencapaian
- 2.6 Ulasan
- 2.7 Penambahbaikan (jika ada)

3. Laporan tersebut perlu dikemukakan kepada Ketua Pegawai Agensi Antidadah Daerah untuk semakan, pengesahan dan perakuan.

7. TANGGUNGJAWAB

- 7.1 Ketua Pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah
- 7.2 Pegawai Agensi

8. KUASA PERUNDANGAN

- 8.1 Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004
- 8.2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983
- 8.3 Akta Dadah Berbahaya 1952
- 8.4 Perintah Tetap Ketua Pengarah 2014

9. LAMPIRAN

- 9.1 Borang Maklumat Latar Belakang Peribadi Klien (**C03 / BR / 01**).
- 9.2 Borang Penilaian Kemajuan Pemulihan Klien Dalam Komuniti (6 Bulan). (**C02 / BR / 03**). Sila rujuk Bab C02


TERHAD

PERINTAH TETAP: C 03/2014	BIL : 12/12
TAJUK: RANCANGAN PEMULIHAN KLIEN	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

- 9.3 Borang Penilaian Kemajuan Pemulihan Klien Dalam Komuniti (12 Bulan) (**C02 / BR / 04**). Sila rujuk Bab C02
- 9.4 Borang Penilaian Kemajuan Pemulihan Klien Dalam Komuniti (18 Bulan) (**C02 / BR / 05**). Sila rujuk Bab C02
- 9.5 Borang Penilaian Kemajuan Pemulihan Klien Dalam Komuniti (23 Bulan) (**C02 / BR / 06**). Sila rujuk Bab C02
- 9.6 Format Laporan Kemajuan Pemulihan Klien (**C02 / BR / 08**). Sila rujuk Bab C02

10. PENGUATKUASAAN

Perintah Tetap ini berkuatkuasa serta-merta.



(DATO' SUHAIMI BIN ABDULLAH)
KETUA PENGARAH
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Tarikh : **28 NOVEMBER 2014**



AGANSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

MAKLUMAT LATARBELAKANG PERIBADI KLIEN

A. BUTIR-BUTIR PERIBADI

<p>1. Nama : _____</p> <p>2. No.K/P : _____</p> <p>3. Bangsa: _____</p> <p>4. Tarikh Lahir : _____</p> <p>5. Umur : _____</p> <p>6. Jantina : L / P</p> <p>7. Status : Bujang / kahwin / Duda / Janda</p> <p>8. Agama : _____</p> <p>9. Bil Adik Beradik : _____</p> <p style="padding-left: 40px;">L : _____ P : _____</p> <p style="padding-left: 40px;">Anak Ke _____</p>	<p>10. No. Rujukan : _____</p> <p>11. Seksyen : _____</p> <p>12. Tarikh Perintah Mahkamah: _____</p> <p>13. Tarikh Masuk Pusat : _____</p> <p>14. Alamat Rumah : _____</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>15. No. Tel : _____</p> <p>16. Pekerjaan : _____</p>
--	--

B. PENGLIBATAN DALAM DADAH

1	Jenis dadah yang pertama kali digunakan	Ganja	Heroin	ATS	METH	Ketamin	Lain-lain
	Nyatakan :						
2	Dadah yang digunakan sekarang	Ganja	Heroin	ATS	METH	Ketamin	Lain-lain
	Nyatakan :						
	Beri sebab menukar jenis dadah jika berkaitan						
3	Tempoh penggunaan dadah						
4	Kos perbelanjaan sehari						

5	Cara menggunakan dadah	Telan	Hisap	Suntik	Chase	Hidu	Lain-lain
	Nyatakan:						
6	Kekerapan menggunakan dadah						
7	Sebab-sebab menggunakan dadah						

C. LATARBELAKANG KELUARGA

1. Keterangan tentang keluarga klien.

Nama		Umur	No. Tel	Pekerjaan	Ada	Meninggal
Bapa						
Ibu						
Waris Terdekat						
Alamat Waris						

2. Butir-butir lanjut mengenai keluarga klien berdasarkan perkara-perkara berikut:

Bil	Status Ahli Keluarga	Bilangan	Hubungan dengan Klien
1.	Masih Menuntut		
2.	Telah bekerja		
3.	Berkahwin		
4.	Menganggur		
5.	Terlibat dengan dadah		
6.	Menghisap rokok		
7.	Minum alkohol		
8.	Lari dari rumah		
9.	Menjalani hukuman di penjara		
10.	Menjalani pemulihan di institusi		
11.	Lain-lain hal		

3. Maklumat keluarga (Jika berkahwin)

Bil	Nama	Umur	No. Tel	Belajar	Pekerjaan	Pendapatan Jika Bekerja
Isteri / Suami :						
Anak						
1.						
2.						
3.						
4.						
5.						

4. Hubungan kekeluargaan (Tiada Masalah / Masalah)

Nyatakan: _____

5. Tindakan yang perlu diambil: _____

D. AKTIVITI SOSIAL DAN RIADAH

1. Minat dan kecenderungan klien

2. Aktiviti khas untuk memenuhi masa lapang.

3. Sikap klien terhadap aktiviti/kerja amal bakti dalam masyarakat.

4. Penglibatan klien dalam pertubuhan/badan sukarela (termasuk peranan dan faedah yang diperolehi).

5. Masalah/perkara penting perlu perhatian lanjut dalam aspek ini

E. KESIHATAN DIRI

1. Sihat / Berpenyakit / Masalah Mental . Nyatakan: _____

2. Telah menerima rawatan / tidak menerima rawatan : _____

3. Tindakan selanjutnya : _____

4. Jenis kecacatan. Nyatakan : _____

5. Alahan (Sekiranya ada) : _____

6. Rawatan lanjut. (Perlu / Tidak)

Rujukan (Jenis penyakit / Pusat rawatan) : _____

7. Perkara/masalah penting perlu perhatian lanjut dalam aspek kesihatan diri

F. PELAJARAN DAN LATIHAN

1. Taraf pendidikan

2. Nyatakan rekod kursus/latihan dalam bidang (termasuk jenis kursus, nama institusi, tempoh dan lain-lain. Jika berkaitan.

3. Nyatakan samada klien berpuashati dengan taraf pelajaran yang dicapai (Berikan alasan)

4. Perkara/masalah perlu perhatian dalam aspek ini.

G. REKOD PEKERJAAN

1. Nyatakan pekerjaan klien sekarang (Ada / Tiada)

Jenis Pekerjaan	Tempoh	Pendapatan	Majikan	Alamat Majikan

2. **Pengetahuan Majikan tentang penagihan (Ya / Tidak)**

Nyatakan samada diterima semula bekerja di tempat yang sama selepas menjalani tempoh pemulihan (jika berkaitan)

3. Sejarah pekerjaan

Jenis Pekerjaan	Tempoh	Pendapatan	Majikan	Alamat Majikan	Sebab diberhentikan

4. Sebab-sebab menukar pekerjaan (Jika berkaitan)

5. Jika menganggur, nyatakan berapa lama dan usaha yang dilakukan untuk mendapatkan pekerjaan.

6. Rancangan masa depan dalam bidang pekerjaan

H. ULASAN KESELURUHAN

(Termasuk syor-syor mengenai rancangan pemulihan dan strategi yang perlu diambil untuk mencapai matlamat pemulihan)

Tandatangan Pegawai Agensi : _____

Nama : _____

Tarikh : _____

Ulasan Ketua Pegawai AADK Daerah

Tandatangan : _____

Nama : _____

Tarikh : _____